

Tarikh Dibaca: 31 Oktober 2025M | 09 Jumadal Ula 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“MENGHAYATI
SIFAT WUJUD ALLAH SWT”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

“MENGHAYATI SIFAT WUJUD ALLAH SWT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَأَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُ لِدُنْيِكَ
وَلِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مُتَقَلَّبَكُمْ وَمَثْوَاكُمْ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah

¹ Muhammad: 19.

² Ali-Imran: 102.

diingatkan supaya jangan berbual-bual dan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk **“MENGHAYATI SIFAT WUJUD ALLAH SWT”**.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Islam adalah satu-satunya agama yang diredai Allah SWT, diturunkan sebagai petunjuk yang sempurna untuk seluruh umat manusia. Dalam ajaran Islam yang agung ini, perkara paling asas dan paling utama ialah *makrifatullah* iaitu mengenal Allah SWT dengan sebenar-benarnya. *Makrifatullah* adalah tunjang kepada seluruh cabang keimanan, asas kepada setiap ibadah dan sumber kekuatan rohani yang meneguhkan hati manusia. Tanpa *makrifatullah*, amal kehilangan makna, doa menjadi lafaz tanpa jiwa, dan hidup manusia terumbang-ambing tanpa nakhoda.

Antara asas *makrifatullah* itu ialah meyakini sifat *wujud* Allah SWT. Sifat *wujud* merupakan sifat pertama yang wajib diyakini oleh setiap Muslim. Menolak kewujudan Allah SWT merupakan kekufuran yang nyata. Kehidupan tanpa keyakinan kepada *wujud* Allah SWT membawa manusia kepada pemberontakan terhadap fitrah, penolakan terhadap kebenaran wahyu, serta ketundukan kepada nafsu yang merosakkan. Tuntasnya, meyakini *wujud* Allah SWT bukan sekadar pengetahuan, tetapi pengakuan yang membezakan antara hamba yang beriman dengan manusia yang kufur terhadap Tuhannya.

Dalam era teknologi yang serba canggih dan dunia maklumat tanpa sempadan ini, umat Islam sedang berdepan dengan cabaran akidah yang semakin meruncing. Arus pemikiran moden telah melahirkan fahaman-

fahaman yang menggugat *makrifatullah*, seperti *ateisme*, yang menafikan kewujudan Tuhan secara mutlak, dan *agnostisisme*, yang menanam benih keraguan terhadap hakikat Tuhan hingga melumpuhkan rasa tanggungjawab seorang hamba kepada Penciptanya. Kedua-dua aliran ini merebak dalam masyarakat apabila jiwa manusia terpisah daripada kefahaman dan penghayatan terhadap sifat *wujud* Allah SWT.

Hadirin yang dikasihi Allah SWT sekalian,

Bagi mencapai *makrifat* yang sahih, para ulama Ahli Sunnah Wal Jamaah telah menggariskan satu kaedah yang tersusun iaitu melalui pengajian Sifat 20 yang menghimpunkan sifat-sifat yang wajib, mustahil dan harus pada Allah SWT. Kaedah ini bukan sahaja menjelaskan siapa Tuhan yang layak disembah bahkan melatih akal untuk memahami hakikat ketuhanan dengan hujah berasaskan nas wahyu (*naqliyyah*) dan rasional akal (*aqliyyah*).

Sifat *wujud* merupakan sifat pertama daripada 20 sifat wajib pada Allah SWT yang wajib dipercayai oleh setiap muslim. *Wujud* Allah SWT bukan seperti segala kewujudan yang lain. *Wujud*-Nya Esa tanpa sekutu. Setiap kewujudan di alam ini dari sekecil zarah hingga sebesar galaksi menjadi tanda yang jelas tentang kewujudan Allah SWT. Tidak ada satu pun yang terjadi dengan sendirinya. Segala sesuatu diatur oleh kekuasaan dan kebijaksanaan Tuhan yang Maha Pencipta. Dalil-dalil *wujud* Allah SWT terlalu banyak untuk dihitung kerana setiap sesuatu di alam ini menunjukkan kewujudan Allah SWT, Tuhan Yang Maha Pencipta.

Imam Ibn Juzay al-Gharnati, seorang ulama besar Andalusia yang wafat pada tahun 741 Hijriah, dalam kitabnya *al-Nur al-Mubin*, menghuraikan

bahawa kewujudan Allah SWT dapat dibuktikan melalui tiga jenis dalil yang kukuh dan rasional.

Yang pertama, ialah dalil yang berpaksikan tanda-tanda ciptaan Allah SWT yang terbentang luas di hadapan mata manusia. Lihatlah langit yang tinggi tanpa tiang, bumi yang terhampar dengan keteraturan yang menakjubkan, dan diri manusia sendiri semuanya mengisyaratkan kebesaran Allah SWT Maha Pencipta.

Firman Allah SWT dalam surah al-Zariyat ayat 20-21:

وَفِي الْأَرْضِ آيَاتٌ لِّلْمُوقِنِينَ. وَفِي أَنفُسِكُمْ أَفَلَا تُبْصِرُونَ.

"Dan pada bumi terdapat tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang (yang mahu mencapai pengetahuan) yang yakin. Dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak mahu melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?"

Manusia, yang asalnya hanya daripada setitis air yang hina, berkembang menjadi makhluk paling kompleks di alam ini. Dalam tubuh manusia tersembunyi sistem genetik yang mengandungi ribuan maklumat tentang asal-usul, sifat, dan kemampuan jasadnya. Otaknya pula menjadi wadah kepada daya fikir, ingatan dan emosi yang tiada tandingan dalam ciptaan lain.

Yang kedua, ialah pendalilan melalui khabar dan ajaran para nabi yang diutus oleh Allah SWT membawa risalah kebenaran. Kebenaran mereka dibuktikan dengan mukjizat. Mukjizat itu menjadi tanda bahawa risalah mereka bukan rekaan, tetapi wahyu yang datang dari langit. Dan Allah SWT sendiri membela mereka daripada umat yang mendustakan. Ada kaum yang

dibinasakan dengan tiupan angin yang kencang, ada yang dihujani batu dari langit, ada yang ditimbuskan di bumi, dan ada pula yang ditenggelamkan di laut. Semua itu menjadi tanda kebenaran wahyu yang dibawa oleh para nabi.

Yang ketiga, ialah pendalilan berdasarkan fitrah manusia yang suci. Fitrah itu adalah nurani yang bersih, yang secara semula jadi mengakui adanya Tuhan walaupun tanpa diajar, tanpa disuruh, tanpa dipaksa. Sejak mula manusia diciptakan, dalam dirinya tertanam rasa bergantung kepada sesuatu yang Maha Berkuasa, yang mengatasi segala kelemahan dan keterbatasan seorang manusia. Apabila manusia berada dalam keadaan aman, dia sering lupa. Tetapi apabila musibah menimpa, ketika segala daya dan ikhtiar terhenti, maka secara spontan lidahnya menyebut nama Tuhan. Ketika itu fitrah yang terpendam menyatakan hakikat kewujudan Tuhan.

Hadirin yang dimuliakan,

Apabila keyakinan terhadap sifat *wujud* Allah SWT tidak diperkukuh dan tidak diasaskan dengan kefahaman yang benar, maka timbullah pelbagai penyakit dalam akidah manusia. Paling parah, lahirlah golongan yang tidak bertuhan, atau hidup seolah-olah mereka tidak mempunyai Tuhan. Inilah wabak pemikiran moden yang sedang meresap ke dalam masyarakat kita sama ada kita sedar atau tidak. Fahaman sebegini tumbuh daripada cara fikir materialistik, yang menilai kewujudan hanya berdasarkan apa yang dapat dilihat dan diukur. Segala yang tidak dapat disentuh dianggap tidak *wujud*. Inilah logik songsang yang akhirnya menutup hati manusia daripada hakikat ketuhanan.

Sedangkan *wujud* Allah SWT bukan seperti kewujudan makhluk. *Wujud*-Nya bersifat Maha Sempurna dan tiada bandingan. Allah SWT menegaskan dalam surah al-Syura ayat 11 yang bermaksud:

"Tidak ada sesuatupun yang serupa dengan (zat-Nya, sifat-Nya dan pentadbiran-Nya). Dan Dialah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Melihat."

Merenung ayat yang dibacakan tadi, persoalan yang besar perlu kita tanyakan kepada diri, apakah yang terjadi apabila keyakinan terhadap kewujudan dan keesaan Allah SWT tidak diperkukuhkan dalam jiwa manusia?

Pertama, manusia akan hilang tujuan hidup. Apabila seseorang tidak lagi meyakini Allah SWT sebagai Pencipta dan Pengatur kehidupan, maka dia tidak lagi tahu dari mana dia datang, untuk apa dia hidup, dan ke mana akhirnya dia akan kembali. Hidupnya menjadi kosong, hanya diisi dengan keseronokan sementara, tunduk kepada nafsu, dan terikat dengan ukuran duniawi semata-mata. Maka lahirlah generasi yang pandai mencari makna hidup di dunia, tetapi gagal menemukan makna sebenar kehidupan itu sendiri.

Kedua, manusia akan hidup tanpa syariat dan tanpa nilai moral yang mengawal. Apabila kepercayaan kepada Allah SWT terhakis, maka tiada lagi istilah halal dan haram, dosa dan pahala, baik dan buruk. Jika segalanya ditimbang mengikut logik akal tanpa berpandukan wahyu ilahi, normalisasi maksiat akan berlaku atas nama hak asasi dan dosa berleluasa atas nama populariti. Budaya maksiat bukanlah tanda kemodenan dan kemajuan, tetapi ia menjadi isyarat masyarakat telah hilang pedoman.

Ketiga, manusia akan hilang tempat bergantung dan hidup dalam kehampaan. Apabila hati tidak lagi terikat dengan Allah SWT, maka jiwa menjadi rapuh. Hidupnya diburu keresahan, mudah kecewa, tenggelam dalam kemurungan, dan akhirnya putus asa daripada rahmat Tuhan.

Hakikatnya, tiada solusi yang lebih ampuh selain kembali kepada asas keimanan iaitu *makrifatullah*, mengenal Allah SWT dan menghayatinya dalam kehidupan. Dengan mengenal Allah SWT, barulah manusia mengenal tujuan dirinya, mengenal hakikat dunia, dan mengenal ke mana akhirnya dia akan kembali. Oleh yang demikian, marilah kita kembali mempelajari kandungan Ilmu akidah melalui penghayatan Sifat 20 khususnya sifat *wujud* sebagai tunjang kefahaman bahawa Allah SWT itu *wujud* dan hanya Dia yang layak disembah dan ditaati.

Imam al-Ghazali menyatakan dalam *Ihya' Ulum al-Din*:

وَأَشْرَفُ أَنْوَاعِ الْعِلْمِ هُوَ الْعِلْمُ بِاللَّهِ وَصِفَاتِهِ وَأَفْعَالِهِ، فَبِهِ
كَمَالُ الْإِنْسَانِ، وَفِي كَمَالِهِ سَعَادَتُهُ وَصَلَاحُهُ لِجَوَارِ حَضْرَةِ
الْجَلَالِ وَالْكَمَالِ

"Dan ilmu yang paling mulia ialah ilmu tentang Allah SWT, sifat-sifat-Nya dan perbuatan-perbuatan-Nya. Dengan ilmu ini terletak kesempurnaan manusia. Dalam kesempurnaan itu terdapat kebahagiaan dan kebaikan manusia kerana dekat dengan Keagungan dan Kesempurnaan (Allah SWT)."

Kaum Muslimin yang berbahagia,

Mengakhiri khutbah hari ini, marilah bersama kita menghayati dan mengambil pengajaran seperti berikut:

1. Umat Islam hendaklah sedar bahawa seluruh alam dan diri kita sendiri adalah tanda nyata kewujudan serta kekuasaan Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah sentiasa merasai kewujudan Allah SWT bagi melahirkan sifat teliti dan berhati-hati dalam setiap tindakan yang dilakukan.
3. Umat Islam hendaklah berusaha menghidupkan penghayatan ilmu akidah dalam keluarga, kerana hanya dengan mengenal Allah SWT dengan sebenar-benarnya, manusia dapat hidup sebagai hamba yang sedar, taat dan terpelihara daripada kesesatan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَا تَكُونُوا كَالَّذِينَ نَسُوا اللَّهَ فَأَنْسَاهُمْ أَنْفُسَهُمْ أُولَٰئِكَ هُمُ
الْفَاسِقُونَ .

"Janganlah kamu menjadi seperti orang yang lupa kepada Allah, sehingga Allah menjadikan mereka melupakan (amalan yang baik untuk menyelamatkan) diri mereka sendiri. Mereka itulah orang yang fasiq."

(Surah al-Hasyr: 19).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْزَلَ الشَّرِيعَةَ، هَدَى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا
عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.³

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

³ Al-Ahzab: 56.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلَاةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعُوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ
مَقَاصِدَهُمَا لَطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ
إِمَامًا.⁴

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵

⁴ Al-Furqan: 74.

⁵ Al-Baqarah: 201.



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁶ Al-Nahl: 90.